

13/04/2002

Mustapa letak jawatan Ketua Penerangan Umno

Veena Rusli; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Mustapa Mohamed hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ketua Penerangan Umno, berkuat kuasa serta-merta.

Mustapa berkata, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah dimaklumkan mengenai perkara itu secara lisan dan menerima peletakan jawatannya.

Pada sidang akhbar di Hotel Sutera Inn di sini petang ini, beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata keputusan itu diambil bagi membolehkannya memberi tumpuan terhadap Umno Kelantan.

"Demi Umno dan tugas mengangkat martabatnya di Kelantan, saya rela mengorbankan jawatan kanan pada peringkat Pusat. Terima kasih kepada Presiden Umno kerana memberi kepercayaan kepada saya memimpin Penerangan Umno sejak dua tahun lalu.

"Saya telah jalankan (tugas) sebaik mungkin dan dapat banyak pengalaman. Saya memberikan sedikit sumbangan kepada pengurusan parti. Saya masih Ahli Majlis Tertinggi (MT), saya menang atas kekuatan sendiri dan saya akan menjalankan tugas sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Saya harap ahli Umno, khususnya di Kelantan akan bekerja bersungguh-sungguh kerana kita tidak mahu pembangkang mengambil kesempatan daripada apa juga isu berbangkit dalam parti kita," katanya.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis perjumpaan antara Perdana Menteri dengan pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan di Dewan Utama Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan, Kubang Kerian di sini.

Ia disusuli pertemuan antara Dr Mahathir dengan Badan Perhubungan Umno Kelantan di tempat yang sama.

Mustapa dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno menggantikan Datuk Dr Yusof Nor pada Jun 2000. Beliau turut menyandang jawatan Pengerusi Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Beliau berkata, hasratnya untuk memberi lebih tumpuan terhadap Kelantan adalah atas nasihat Dr Mahathir.

"Dr Mahathir berpendapat apa yang lebih penting ialah untuk saya memberikan tumpuan ke Kelantan berbanding Kuala Lumpur. Keprihatinan Dr Mahathir ialah di Kelantan dan atas cadangan itu, kita akan berikan tumpuan ke Kelantan.

"Sebelum saya membuat sesuatu, saya berbincang semasak-masaknya. Saya akui kita ada kelemahan dan ini adalah sebahagian daripada proses untuk membaiki diri... yang penting kita nak menang dan apa juga yang menghalang matlamat itu, kita akan cuba baiki," katanya.

Mengulas pertemuannya dengan Dr Mahathir pagi ini, beliau berkata, Presiden parti meminta ahli Badan Perhubungan Umno Kelantan memberi komitmen terhadap parti dan bukan kesetiaan terhadap individu.

"Kita perlu menjalankan tugas dengan ikhlas dan nampak gaya, sokongan terhadap Umno semakin meningkat di seluruh negara.

"Dr Mahathir juga meminta kami menyokong siapa saja calon yang dipilih atau yang dipilih memegang jawatan. Contohnya dalam pilihan raya, yang perlu disokong bukannya individu tetapi calon yang dipilih parti.

"Saya juga akan lebih kerap turun ke bahagian. Sekarang bukan tak buat tetapi tugas terlalu banyak dan masa amat terbatas," katanya.

(END)